

BAB ENAM

PENUTUP

6.1. Rumusan

Perbahasan dalam kajian ini yang dibuat dalam bab-bab sebelum ini telah memberi suatu gambaran yang jelas berkaitan dengan konsep dan pemakaian dokumen persendirian dalam kes-kes hibah di Malaysia. Pengkaji berpendapat keseluruhan perbahasan yang telah dibuat boleh dirumuskan seperti berikut:

6.1.1. Penerimaan Dokumen Persendirian sebagai Kaedah Pembuktian

Keabsahan dokumen persendirian sebagai salah satu kaedah pembuktian di mahkamah syariah telah pun diperkukuhkan apabila undang-undang telah mengiktiraf “keterangan” termasuklah bayyinah dan *syahadat*. Keterangan dokumentar merupakan segala pernyataan yang dibenarkan atau dikehendaki oleh mahkamah dibuat di hadapannya melalui dokumen yang dikemukakan bagi pemeriksaan mahkamah.⁹⁶⁶ Hal ini menunjukkan bahawa tiada sebarang pertikaian berkaitan dengan kedudukan dokumen persendirian sebagai suatu kaedah pembuktian di mahkamah syariah. Bahkan pemakaian dokumen persendirian dinyatakan dengan jelas dalam undang-undang dengan memperuntukkan suatu seksyen khas. Peruntukan tersebut menjelaskan bahawa segala dokumen selain daripada yang dikategorikan sebagai dokumen awam merupakan dokumen persendirian.⁹⁶⁷

Oleh itu, dokumen persendirian hendaklah diterima sebagai kaedah pembuktian dalam memutuskan satu-satu pertikaian. Hal yang demikian adalah berdasarkan peranan dokumen persendirian itu sendiri yang banyak diguna pakai dalam kehidupan seharian

⁹⁶⁶ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 3.

⁹⁶⁷ *ibid.* Seksyen 58.

masyarakat masa kini khususnya dalam urusan muamalat. Hujah yang menyatakan dokumen persendirian mudah dipalsukan sebenarnya boleh ditangani dan diselesaikan dengan inovasi dan kreativiti yang berasaskan kemajuan teknologi moden seperti reka cipta yang digabungkan dengan kepakaran tertentu untuk mengenal pasti ketulenan sesuatu dokumen atau bagi membezakan tulisan yang asli ataupun yang palsu.

Selain itu, penerimaan dokumen persendirian sebagai kaedah pembuktian di mahkamah hendaklah melalui proses perbicaraan dan keaslian dan kesahihan kandungan dokumen persendirian hendaklah dibuktikan sebelum diterima sebagai keterangan. Keterangan dokumen ialah keterangan yang diperoleh daripada pengemukaan dokumen untuk pemeriksaan oleh mahkamah semasa perbicaraan dalam isu atau perkara yang dipertikaikan. Dokumen persendirian boleh disahkan keaslian oleh pihak-pihak tertentu seperti Jabatan Kimia atau mana-mana agensi yang mempunyai kepakaran tersebut namun penentuan samada dokumen tersebut diterima sebagai bukti kecuali melalui keterangan pakar tulisan, cap jari atau tanda tangan yang membuat ujian tersebut.

Penerimaan dokumen persendirian tersebut hendaklah tertakluk kepada dua syarat iaitu ketulenan dokumen persendirian yang terlibat dalam satu-satu kes dan kesahihan kandungan dokumen tersebut hendaklah dibuktikan terlebih dahulu. Pembuktian tersebut hendaklah menjadi tanggungjawab pihak yang mengemukakan dokumen persendirian tersebut sekiranya dipertikaikan. Sekiranya dokumen persendirian tersebut tidak dipertikaikan oleh pihak lawan maka dokumen persendirian tersebut boleh diterima masuk sebagai keterangan.

Sekiranya dokumen persendirian tersebut gagal dibuktikan seperti yang ditetapkan maka hakim hendaklah menolak dokumen tersebut dan tidak boleh membenarkan dokumen

persendirian tersebut menjadi keterangan dalam kes itu. Setelah diterima masuk, hakim hendaklah menentukan samada dokumen persendirian tersebut boleh dijadikan bukti atau asas penghakiman dan keputusan dalam sesuatu kes yang dibicarakan. Kekuatan dokumen persendirian tidak boleh dipertikaikan kerana kandungan keterangan dokumen bersifat lebih kekal atau tetap daripada sebarang perubahan dan konsisten berbanding dengan keterangan lisan yang boleh dipengaruhi dengan pelbagai unsur yang boleh mencatatkan keterangan.

6.1.2. Dokumen Persendirian merupakan *Qarīnat*

Keterangan dokumen persendirian ini hanya boleh diterima sebagai *qarīnat* kerana keterangan *syahadat* hanya boleh diberikan oleh orang Islam sahaja. *Qarīnat* merupakan suatu andaian atau anggapan melalui fakta yang mempunyai kaitan dengan fakta yang satu lagi dengan apa-apa cara yang disebutkan oleh undang-undang. *Qarīnat* merujuk kepada tiga keadaan iaitu pertama: bagi mentafsirkan maksud “*bayyinah*,” atau yang kedua: merujuk kepada maksud “kaitan” atau “relevan” dan ketiga: merujuk kepada anggapan atau andaian. Akta 561 merupakan medium tapisan dalam mengendalikan semua *qarīnat* yang dikemukakan kepada mahkamah.

Dalam konteks *qarīnat* melalui dokumen persendirian, pembuktian ketulenan berkaitan dengan keterangan dokumen persendirian merupakan perkara yang penting bagi hakim untuk menjelaskan sesuatu isu yang berbangkit. Keterangan dokumen persendirian diterima sebagai keterangan yang boleh membuktikan dalam sesuatu kes seperti yang diputuskan dalam kes *Abd Razak Abd Ghani lwn Abd Rahim Othman*.⁹⁶⁸ Asas penerimaan

⁹⁶⁸ *Abd Razak Abd Ghani lwn Abd Rahim Othman* [2014] 1 JH 39 at 32.

catatan sebagai keterangan hendaklah bergantung pada kesahihan dokumen persendirian itu sendiri dan juga kandungannya. Jika kesahihan sesuatu dokumen itu gagal untuk dipastikan maka dokumen itu hendaklah ditolak seperti dalam kes *Suzanna @ Siji Abdullah lwn Malikul Salleh*.⁹⁶⁹ Ketulenan dokumen dan kesahihan maklumat dalam dokumen persendirian hendaklah disahkan benar terlebih dahulu sebelum ia boleh diterima sebagai keterangan di mahkamah.

Jika kesahihannya diragui, adalah lebih baik dokumen itu ditolak daripada diterima sebagai keterangan. Penerimaan dokumen persendirian ini turut bergantung pada kerelevanan dokumen persendirian tersebut dan juga nilai pemberatan dokumen persendirian tersebut dalam membuktikan sesuatu kes. Hal ini bersesuaian dengan keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Desa Samudera Sdn. Bhd. v Bandar Teknik Sdn. Bhd. dan 5 Others*.⁹⁷⁰

6.1.3. Dokumentasi Hibah

Penggunaan hibah sebagai kaedah pengurusan harta yang tujuannya adalah untuk menguruskan harta dengan cara yang sistematik dan tersusun, sememangnya boleh menyelesaikan isu-isu berkaitan dengan pengagihan harta ketika hidup. Instrumen ini juga boleh mengelakkan daripada berlakunya pertikaian atau konflik dalam keluarga atau sesama waris. Keberkesanan fungsi instrumen ini sememangnya tidak boleh dipertikai apabila dibuat mengikut lunas-lunas hukum syarak dan undang-undang setempat, dan disediakan dengan kemas. Oleh sebab itulah kaedah pengurusan harta seumpama ini

⁹⁶⁹ *Suzanna @ Siji Abdullah lwn Malikul Salleh*. Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Saman No.: 14002-014-0585-2004. (Tidak dilaporkan).

⁹⁷⁰ *Desa Samudera Sdn. Bhd. v Bandar Teknik Sdn. Bhd. dan 5 Others* [2012] 1 MLJ 729.

berkembang dengan pesat untuk diguna pakai secara meluas dan dikomersialkan bagi merancang harta yang dimiliki. Mutakhir ini pelbagai syarikat, agensi dan institusi perbankan, masing-masing berusaha dan bersaing untuk menawarkan perkhidmatan pengurusan harta secara bertulis termasuklah dalam penyediaan dokumen yang dikenali sebagai dokumentasi hibah.

Dokumentasi hibah ialah penulisan dokumen hibah sebagai instrumen perancangan harta dan banyak dilaksanakan oleh firma guaman dan syarikat penyedia perkhidmatan perancangan harta.⁹⁷¹ Dokumen hibah ini berperanan untuk memudahkan proses agihan harta si mati dan mengelakkan pertikaian antara penerima hibah dan ahli waris. Selain itu, dokumen hibah ini dibuat untuk memastikan pemberian harta tersebut tidak boleh dicabar oleh waris lain.⁹⁷²

Dokumen hibah ini juga akan dijadikan bukti mengenai kewujudan hibah sekiranya dipertikaikan di mahkamah kerana pertikaian mengenai hibah sering kali berlaku terutamanya selepas kematian pemberi hibah.⁹⁷³ Sifat permohonan pengesahan kes hibah di mahkamah syariah di Malaysia adalah berkaitan dengan kesahihan sesuatu hibah yang dibuat sebelum boleh dikuatkuasakan oleh pihak-pihak. Sekiranya hibah tersebut tidak dibuat secara dokumentasi maka akan wujud kecenderungan pihak tertentu untuk mencabar kesahihan hibah tersebut.⁹⁷⁴

⁹⁷¹ Nasrul Hisyam Nor Muhamad. 2010. "Pemakaian Prinsip Hibah dalam Sistem Kewangan Islam di Malaysia: Tumpuan kepada Industri Perbankan Islam dan Takaful". *Jurnal Teknologi*. Johor: Penerbit UTM. p. 213.

⁹⁷² Alias Azhar, Mohammad Azam Hussain, Muhammad Hafiz Badarulzaman & Fauziah Mohd Noor. 2014. "Pengurusan Harta dalam Islam: Perspektif Hibah di Malaysia". *Journal of Human Development and Communication*. Perlis: Penerbit UNIMAP. Vol. 3. p. 122.

⁹⁷³ Mohd Zamro Muda & Noor Lizza Mohamed Said. 2015. "Signifikan Hibah Sebagai Instrumen Perancangan Harta Orang Islam di Malaysia". *Prosiding Persidangan Antarabangsa Fiqh Semasa & Perundangan Islam 2015*. (PAFSPi 2015). Batam, Indonesia: Hotel Allium. 19 Dis. p. 355.

⁹⁷⁴ Umar A. Oseni. 2012. "Sharī'ah Court-annexed ADR: The Need for Effective Dispute Management in Waqf, Hibah and Wasiyyah Cases in Malaysia". *Persidangan Pegawai Syariah Malaysia*. Langkawi. p. 7.

Fungsi sebenar dokumentasi hibah dapat dilihat dalam kes *Poolimahee Rajeswary @ Fatimah binti Baba lwn Meah bt Hussein*.⁹⁷⁵ Mahkamah mengisytiharkan bahawa rumah, tanah dan wang pampasan iaitu perkara-perkara yang menjadi pertikaian dalam kes ini sebagai hibah berdasarkan surat hibah yang telah dibuat oleh arwah bapa angkatnya sebelum meninggal dunia. Dokumen hibah ini kebiasaannya mengandungi maklumat melibatkan rukun-rukun hibah dan dua orang saksi. Manakala *ṣīghat* hibah tersebut pula bergantung pada jenis hibah yang hendak dikuatkuasakan oleh pemberi, sama ada mutlak atau bersyarat.

Dokumentasi hibah boleh dibuat sendiri oleh pemberi hibah secara individu ataupun disediakan dengan bantuan peguam syarie yang melibatkan sejumlah kos tertentu sebagai bayaran perkhidmatan. Selain dua kaedah yang disebutkan ini, dokumentasi hibah juga boleh dibuat melalui syarikat amanah. Bagi kaedah ini pula peguam syarikat tersebut yang akan memainkan peranan dalam penyediaan dokumen hibah. Ketiga-tiga kaedah ini -secara individu, peguam atau firma guaman; dan syarikat amanah - menggunakan format masing-masing, maka terhasillah dokumen hibah dengan ciri-ciri tersendiri walaupun setiap bentuk dokumen yang disediakan itu mengandungi maklumat dan surat kuasa wakil di dalamnya.

Pengkaji mendapati kesemua dokumen hibah yang digunakan di dalam kes-kes yang dikaji ini telah disediakan oleh pelbagai pihak seperti orang perseorangan, peguam atau peguam syarie, syarikat atau syarikat amanah, syarikat pelaburan dan bank. Berdasarkan analisa terhadap dokumen-dokumen ini, jelas menunjukkan bahawa dokumen hibah yang digunakan oleh mereka adalah pelbagai bentuk dan tidak seragam. Penyedia perkhidmatan penulisan hibah hendaklah memastikan dokumen hibah yang ditulis bukan sahaja

⁹⁷⁵ *Poolimahee Rajeswary @ Fatimah Binti Baba lwn Meah Bt Hussein* [2005] 1 JH 164.

memenuhi kehendak hukum syarak bahkan perlu memastikan dokumen hibah tersebut oleh dibuktikan di mahkamah syariah mengikut kehendak undang-undang.

Apabila perkhidmatan penyediaan dokumen hibah ini ditawarkan kepada masyarakat, ia telah memudahkan hasrat pemberi hibah dan memberi impak positif kepada industri perancangan serta pengurusan harta orang Islam. Kajian dalam topik dan isu ini telah membuktikan bahawa dokumentasi hibah memainkan peranan penting dalam mengelakkan pertikaian berkaitan dengan harta selepas kematian penghibah.⁹⁷⁶ Bahkan kajian juga telah membuktikan bahawa dokumen hibah yang dikeluarkan oleh syarikat swasta boleh dijadikan sebagai bukti yang kukuh wujudnya transaksi hibah antara pihak-pihak.⁹⁷⁷

6.1.4. Bidang Kuasa Mahkamah Syariah dalam Kes Hibah

Bidang kuasa berkaitan dengan hibah diletakkan di bawah bidang kuasa mahkamah syariah berdasarkan Perlembagaan Persekutuan.⁹⁷⁸ Perlembagaan Persekutuan⁹⁷⁹ juga memperuntukkan kuasa kepada Badan Perundangan Negeri untuk membuat undang-undang hibah kecuali Parlimen telah diberi kuasa untuk membuat undang-undang di Wilayah Persekutuan. Setiap negeri mempunyai satu peruntukan statutori yang menyentuh bidang kuasa mahkamah syariah mengenai hibah sama ada dalam akta, enakmen atau ordinan pentadbiran agama Islam dan mahkamah syariah. Peruntukan berkaitan dengan hibah hanya dinyatakan secara umum dalam akta, enakmen atau ordinan negeri-negeri

⁹⁷⁶ Alias Azhar, Mohammad Azam Hussain, Muhammad Hafiz Badarulzaman & Fauziah Mohd Noor. 2014. "Pengurusan Harta dalam Islam: Perspektif Hibah di Malaysia". *Journal of Human Development and Communication*. Perlis: Penerbit UNIMAP. Vol. 3. p. 125.

⁹⁷⁷ Nurul Syuhadah Azalan & Noor Lizza Mohamed Said. 2019. "Kedudukan Dokumen Hibah Berdasarkan Kes Pengesahan Hibah di Mahkamah Syariah". *Prosiding Cabaran Pengajian Islam dalam Era Revolusi Industri 4.0*. KUIPSAS. Pahang. 25-26 Sept. pp. 130-134.

⁹⁷⁸ Malaysia. n.d. *Perlembagaan Persekutuan*. Jadual Kesembilan. Senarai 2. Senarai Negeri.

⁹⁷⁹ Malaysia. n.d. *Perlembagaan Persekutuan*. Perkara 74 (2).

tersebut dan masing-masing menggunakan istilah yang tersendiri dan tidak selaras antara negeri-negeri.

Setakat ini, hanya negeri Kelantan yang telah menguatkuasakan undang-undang hibah melalui Enakmen Hibah (Kelantan) 2022. Manakala negeri-negeri lain masih belum menguatkuasakan statut khusus berkaitan dengan hibah termasuklah peruntukan mengenai skop hibah yang bidang kuasanya terletak di bawah mahkamah syariah. Mahkamah syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa mendengar serta memutuskan kesahan sesuatu hibah yang dilakukan sama ada secara lisan ataupun secara dokumentasi berdasarkan bidang kuasa yang diberi kepada mahkamah syariah. Hal ini termasuklah kesahan dokumentasi hibah yang dibuat oleh individu, firma guaman, institusi perbankan mahupun syarikat.

Dalam hal ini, sebarang produk yang menggunakan prinsip hibah dalam sistem perbankan Islam di Malaysia hendaklah dirujuk kepada Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dan mahkamah sivil sebagaimana yang ditetapkan dalam Akta Bank Negara 2009; Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013; dan juga Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 termasuklah sebarang pertikaian berkaitan dengan pemegang amanah yang dilantik di bawah Akta Pemegang Amanah 1949.

6.1.5. Beban dan Tahap Pembuktian kes Hibah

Pembuktian merupakan suatu proses yang berjalan bagi membuktikan wujud atau tidak wujudnya sesuatu fakta menggunakan keterangan yang diiktiraf oleh syarak. Objektif pembuktian adalah untuk mendapatkan kepercayaan mahkamah dalam sesuatu fakta dan isu yang dipertikaikan dalam perbicaraan. Manakala “beban pembuktian” ialah frasa yang digunakan untuk menerangkan tugas yang terletak ke atas sesuatu pihak untuk mewujudkan satu kes atau satu fakta. Ia merujuk kepada satu kaedah umum yang memerlukan seseorang

membuktikan kes atau sebarang fakta yang ditegaskan dalam prosiding jenayah atau mal. Orang tersebut dikatakan menanggung beban bukti apabila seseorang itu terikat untuk membuktikan kewujudan atau tidak wujud sesuatu fakta, atau membuktikan keseluruhannya seperti dalam kes antara *Kamaruzzaman Umar lwn Rashidah Mohd Rashid*.⁹⁸⁰

Undang-undang telah menetapkan bahawa beban keterangan dalam sesuatu kes mal hendaklah terletak pada orang yang mengatakan atau menegaskan sesuatu fakta (*al-mudda 'ī*) dan orang yang mengangkat sumpah untuk menafikan atau mempertikaikan sesuatu fakta (*al-mudda 'a 'alaih*).⁹⁸¹ Oleh itu, kita hendaklah mengetahui prinsip beban bukti dalam kes mal untuk mengetahui pihak yang memegang beban bukti berkaitan dengan kewujudan satu-satu hibah. Prinsip ini diperkukuhkan dalam kes *Ismahazly Baharin lwn Aziz Harun [2018] 3 LNS 2* apabila Hakim Bicara menyatakan bahawa menjadi tanggungjawab Plaintiff untuk membuktikan kesnya terhadap Defendan. Dalam konteks beban bukti kewujudan suatu dokumen hibah pula, orang yang mendakwa kewujudan dokumen hibah tersebut hendaklah memegang beban pembuktian berkaitan dengan dakwaannya itu. Prinsip ini telah diperkukuhkan dalam kes *Ramlah Sulaiman & 4 Yg Lain lwn Jamaluddin @ Md Jamel Sulaiman & 1 Lagi*⁹⁸² apabila Hakim Mahkamah Rayuan Syariah berpendapat bahawa Perayu-Perayu yang bertanggungjawab untuk mengemukakan dokumen asal surat cara surat-cara hibah semasa perbicaraan di mahkamah tinggi syariah.

⁹⁸⁰ *Kamaruzzaman Umar lwn Rashidah Mohd Rashid* [2014] 2 JH 38 at 39-62.

⁹⁸¹ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 72.

⁹⁸² *Ramlah Sulaiman & 4 Yg Lain lwn Jamaluddin @ Md Jamel Sulaiman & 1 Lagi* [2016] 1 JH 42 at 88.

Apabila kita membicarakan tentang tahap pembuktian kes hibah bermakna kita juga membicarakan tahap pembuktian kes mal, begitu jugalah sebaliknya. Tahap pembuktian kes mal ialah tahap yang mesti dicapai oleh pihak-pihak dalam pembuktian kes mereka. Undang-undang menetapkan tahap yang mesti dicapai untuk melepaskan tanggungjawab membuktikan fakta kes hibah adalah sehingga mahkamah percaya atau mahkamah boleh membuat anggapan terhadap kewujudan atau tidak wujud hibah tersebut⁹⁸³ berdasarkan pencapaian tingkat pembuktian sama ada pada tahap *yaqīn*, *zan al-ghalib* atau *zan*.⁹⁸⁴

Hal ini bermaksud tahap paling rendah pembuktian dalam kes hibah berada pada tahap *zan* iaitu pada tahap imbangan kebarangkalian sahaja, dan setakat tahap itu sahaja yang memberi maksud tidak boleh berada pada tahap bawah selepas *zan* iaitu *syak* atau *waham*. Sehubungan dengan perkara ini, kes antara *Maimunah Hamzah lwn Mohammad Embong*,⁹⁸⁵ antaranya menyatakan tuntutan Plaintiff boleh disabitkan adalah sampai pada tahap *yaqīn* atau tahap yang paling berat mengikut hukum syarak. Manakala dalam kes *Bukhary Mohd. Noor lwn Aisyah Ismail*⁹⁸⁶ pula, mahkamah menolak tuntutan Plaintiff yang pembuktiannya menjadi *waham* kerana keterangan saksi dalam keadaan tidak pasti. Oleh itu, kes-kes tuntutan pengesahan hibah boleh disabitkan jika pembuktian mencapai tahap paling minimum pada tahap *zan* dan paling maksimum sehingga ke tahap *yaqīn* bersesuaian dengan tahap pembuktian bagi kes-kes mal.

⁹⁸³ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 3.

⁹⁸⁴ Ruzman Md. Noor. 2007. "Pembuktian dalam Kes Harta Sepencarian di Mahkamah Syariah di Malaysia". *Jurnal Syariah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. Vol. 15. No. 1. p. 33.

⁹⁸⁵ *Maimunah Hamzah lwn Mohammad Embong* [2005] 2 CLJ (Sy) 16.

⁹⁸⁶ *Bukhary Mohd. Noor lwn Aisyah Ismail* [2004] 1 JH 21 245.

6.1.6. Pembuktian Dokumen Persendirian Hibah

Dokumen hibah ini dianggap dokumen persendirian kerana dibuat oleh orang perseorangan dan bukan dikeluarkan oleh kerajaan bersesuaian dengan keputusan kes *Ramlah binti Sulaiman & 4 Yang Lain lwn Jamaluddin @ Md Jamel bin Sulaiman & Seorang Lagi*⁹⁸⁷ yang menyatakan Surat Cara Hibah yang didakwa bertarikh 20/10/1992 merupakan satu dokumen persendirian berdasarkan Seksyen 58 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004. Undang-undang keterangan sedia ada telah memperuntukkan kaedah-kaedah tertentu berkaitan dengan pembuktian ketulenan dan kesahihan suatu dokumen tersebut sebelum ia boleh diterima.

Pertama, dokumen hibah yang asal itu sendiri hendaklah dikemukakan kepada mahkamah syariah terlebih dahulu semasa perbicaraan bersesuaian keputusan kes *Ramlah binti Sulaiman & 4 Yang Lain lwn Jamaluddin @ Md Jamel bin Sulaiman & Seorang Lagi*⁹⁸⁸ pada peringkat rayuan yang memutuskan tatacara pembuktian dokumen sebagaimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 56 tersebut hanya boleh dibuat sekiranya dokumen asal telah dikemukakan untuk pemeriksaan dalam perbicaraan di mahkamah.

Kedua, dokumen persendirian tersebut hendaklah dibuktikan keaslian dan kesahihannya berdasarkan salah satu daripada kaedah yang berikut:

(a) Pengakuan Pembuat Dokumen

Kaedah keterangan ini adalah yang terbaik dalam membuktikan kesahihan dan ketulenan dokumen hibah itu sendiri. Keharusan menggunakan kaedah ini diambil berdasarkan

⁹⁸⁷ *Ramlah binti Sulaiman & 4 Yang Lain lwn Jamaluddin @ Md Jamel Bin Sulaiman & Seorang Lagi* [2016] 1 JH 42 88.

⁹⁸⁸ Ibid.

pemahaman daripada maksud tersirat peruntukan Seksyen 56(1)⁹⁸⁹ iaitu, jika pembuat dokumen menafikan tulisan dan tanggungan yang wujud berdasarkan dokumen tersebut. Namun jika pembuat dokumen tersebut mengakui dan tidak menafikan maka ia dipanggil sebagai pengakuan atau *iqrār*. Pengakuan ini mengikat pembuat dokumen iaitu pemberi hibah berdasarkan undang-undang⁹⁹⁰ dan keputusan dalam kes *Nik Azman Maula bin Nik Mohamed lwn Haifa Binti Taharin*.⁹⁹¹ Dalam kes ini tuntutan Plaintiff diluluskan berdasarkan pengakuan Plaintiff yang membuat dokumen tersebut secara sukarela dan berhasrat menghibahkan sebuah rumah kepada Defendan.

(b) Dua (2) Orang Saksi

Kesahihan dan ketulenan tulisan dan penyempurnaan dokumen itu hendaklah dibuktikan oleh sekurang-kurangnya dua orang saksi yang menyaksikan dokumen itu dibuat oleh pemberi hibah sekiranya pembuat dokumen tersebut menafikan⁹⁹² tulisan atau tanggungan yang diwujudkan dalam dokumen itu; atau pembuat dokumen telah meninggal dunia; atau seumpamanya. Senario ini bersesuaian dengan keputusan kes *Harizah binti Zainal Ehsan lwn Fatimah binti Yusof & 3 Lagi*.⁹⁹³ Mahkamah telah meluluskan tuntutan hibah selepas berpuas hati bahawa surat pengisytiharan hibah adalah benar berdasarkan keterangan dua orang saksi yang menyaksikan transaksi hibah yang berlaku antara pihak-pihak.

⁹⁸⁹ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 56 (1).

⁹⁹⁰ *ibid.* Seksyen 17.

⁹⁹¹ *Nik Azman Maula bin Nik Mohamed lwn Haifa binti Taharin*. Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Lumpur. Saman No.: 14300-044-0445-2019. (Tidak dilaporkan).

⁹⁹² Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 56 (1).

⁹⁹³ *Harizah binti Zainal Ehsan lwn Fatimah binti Yusof & 3 lagi*. Mahkamah Tinggi Syariah di Shah Alam, Selangor. Saman No.: 10100-044-0220-2013. (Tidak dilaporkan). Nurul Syuhadah Azalan & Noor Lizza Mohamed Said. 2019. "Kedudukan Dokumen Hibah Berdasarkan Kes Pengesahan Hibah di Mahkamah Syariah". *Prosiding Cabaran Pengajian Islam dalam Era Revolusi Industri 4.0*. KUIPSAS. Pahang. 25-26 Sept. p. 131.

(c) Dua (2) Orang Saksi yang Boleh Mengenal Pasti Tulisan dan Tandatangan

Sekiranya saksi-saksi yang menyaksikan kewujudan kepada dokumen itu tidak dapat dipanggil ke mahkamah, maka tulisan dan penyempurnaan dokumen itu hendaklah dibuktikan melalui kaedah dua orang saksi yang boleh mengenal pasti tulisan dan tandatangan orang yang menulis dan menyempurnakan dokumen itu.⁹⁹⁴ Pembuktian melalui kaedah ini biasanya menggunakan keterangan saksi-saksi yang rapat dengan pemberi hibah yang mengenali tulisan pemberi hibah. Walaupun tidak dinafikan masih wujud dokumen menggunakan tulisan tangan, tetapi kaedah ini mungkin menghadapi kesukaran untuk digunakan. Sudah tentu pada hari ini sebarang dokumen yang hendak disediakan dengan penggunaan tulisan tangan tidak digalakkan kerana terdapatnya kemudahan alternatif yang lebih berkesan boleh ditawarkan.

(d) Keterangan Dua (2) Orang Pakar

Kaedah untuk membuktikan kesahihan dan ketulenan dokumen hibah tersebut boleh dibuat melalui sekurang-kurangnya keterangan dua orang pakar berkaitan dengan tulisan dan tandatangan pada dokumen itu.⁹⁹⁵ Keterangan pakar ini boleh diminta apabila mahkamah perlu membuat sesuatu pendapat atas sesuatu perkara mengenai undang-undang negara asing atau mengenai sains atau seni, atau tentang identiti atau ketulenan tulisan tangan atau cap jari atau berhubungan dengan penentuan *nasāb*, dan pendapat berkaitan dengan perkara tersebut ialah *qarīnat*. Dua orang pakar atau lebih hendaklah dipanggil untuk memberikan keterangan jika boleh namun keterangan seorang pakar adalah memadai jika tidak terdapat

⁹⁹⁴ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 56 (2).

⁹⁹⁵ Ibid. Seksyen 56 (4).

dua orang pakar. Jika dua orang pakar memberikan pendapat yang berlainan, maka pakar yang ketiga hendaklah dipanggil untuk memberikan keterangan.⁹⁹⁶

(e) Sumpah

Sekiranya kesemua kaedah yang disebutkan sebelum ini tidak boleh dilaksanakan bagi membuktikan kesahihan dan ketulenan dokumen persendirian tersebut, maka pembuat dokumen tersebut hendaklah mengangkat sumpah apabila diminta oleh orang yang mendakwa bahawa pembuat dokumen itu ialah orang yang menyempurnakan dokumen itu. Sekiranya pembuat dokumen itu enggan berbuat demikian, maka orang yang mengatakan itu boleh mengangkat sumpah dan sekiranya dia bersumpah maka dia hendaklah dianggap telah membuktikan tuntutan.⁹⁹⁷ Hal ini bersesuaian dengan prinsip bahawa beban untuk mengemukakan keterangan dalam sesuatu kes mal terletak pada orang yang menegakkan sesuatu fakta dan orang yang mengangkat sumpah untuk menafikan sesuatu fakta.⁹⁹⁸

Kegagalan memenuhi kaedah pembuktian yang telah ditetapkan oleh undang-undang akan menyebabkan suatu dokumen persendirian tersebut ditolak. Penolakan dokumen persendirian tersebut juga boleh menyebabkan suatu permohonan pengesahan hibah yang dibuat di mahkamah syariah juga akan ditolak. Sebagai contoh, dalam kes *Shamsul Bahar bin Abu Bakar & 2 Lain lwn Noraini binti Abu Bakar & 2 Lain*,⁹⁹⁹ mahkamah telah menolak tuntutan pengesahan hibah Plaintiff disebabkan kegagalan Plaintiff membuktikan Surat Hibah yang telah ditandakan sebagai ID-4 itu adalah sah dan tulen.

⁹⁹⁶ ibid. Seksyen 33.

⁹⁹⁷ ibid. Seksyen 56 (6).

⁹⁹⁸ ibid. Seksyen 72.

⁹⁹⁹ *Shamsul Bahar bin Abu Bakar & 2 lain lwn Noraini binti Abu Bakar & 2 lain*. Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam, Selangor. Saman No.: 10400-044-0534-2014. (Tidak dilaporkan).

Begitu juga dalam kes *Badri bin Daud lwn Salbiah binti Mat Mordi & 8 Lain*,¹⁰⁰⁰ tuntutan Plaintif telah ditolak kerana dokumen persendirian iaitu Dokumen Pengisytiharan Hibah tersebut hanya ditandakan sebagai ID-5 sahaja tanpa dibuktikan ketulenan dokumen tersebut dan dipertikai keesahannya. Bahkan saksi-saksi yang ada dalam dokumen tersebut juga tidak hadir semasa majlis akad manakala saksi-saksi lain yang turut hadir pada masa tersebut pula tidak boleh membuktikan kewujudan rukun hibah sebagaimana dalam dokumen.

6.1.7. Pembuktian Dokumen Persendirian Elektronik di bawah Akta 561 dan EKMS Perak

Kaedah pembuktian dokumen elektronik persendirian hendaklah mengikut salah satu kaedah yang ditetapkan dalam Seksyen 56 Akta 561 kerana Akta 561 tidak mengandungi peruntukan seperti EKMS Perak. Sebagai contoh, penyata akaun bank seseorang merupakan dokumen elektronik persendirian menurut undang-undang. Sekiranya mana-mana orang ingin menggunakan penyata akaun sebagai bukti, maka mereka perlu mengemukakan dokumen asal bersama pembuat dokumen tersebut ke mahkamah bagi membuktikan keaslian, ketulenan dan kesahihan dokumen berserta kandungan tersebut. Walaupun Huraian 3¹⁰⁰¹ telah mengiktiraf kesemua dokumen yang dikeluarkan oleh komputer ialah keterangan primer, namun ia masih tidak memadai untuk diterima kerana pembuat dokumen tidak dipanggil untuk mengesahkan keaslian penyata akaun tersebut.

¹⁰⁰⁰ *Badri Bin Daud lwn Salbiah Binti Mat Mordi & 8 lain*. Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam, Selangor. Saman No.: 10400-044-0455-2013. (Tidak dilaporkan).

¹⁰⁰¹ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 49.

Inilah kaedah pembuktian terbaik yang telah ditetapkan dalam Seksyen 56 Akta 561 dalam membuktikan sesuatu dokumen persendirian primer dan kandungannya.

Penerimaan dokumen primer sebagai tulen tidak menyebabkan beban membuktikan kandungan dokumen tersebut gugur. Oleh sebab itulah, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah menolak dapatan Hakim Bicara dalam kes *Moriazi bin Mohamad lwn Ajmawati bte Atan*.¹⁰⁰² Mereka berpandangan bahawa Hakim Bicara telah tersalah apabila menerima keterangan tersebut tanpa disokong keterangan lain bersesuaian dengan prinsip umum bahawa pembuat dokumen hendaklah dipanggil ke mahkamah sebelum dokumen persendirian tersebut boleh diterima sebagai keterangan walaupun telah dibuktikan melalui keterangan primer. Hal yang demikian adalah kerana Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 (EKMS Selangor) juga tidak mempunyai peruntukan seumpama Seksyen 90A, 90B dan 90C Akta Keterangan 1950 atau EKMS Perak.

Kelebihan yang ada dalam EKMS Perak ini ialah enakmen tersebut mengandungi peruntukan Seksyen 73, 74 dan Seksyen 75 tersebut yang mempunyai persamaan dengan Seksyen 90A, 90B dan 90C Akta Keterangan 1950 yang memperuntukkan kaedah pembuktian dokumen persendirian elektronik. Walaupun Huraian 3¹⁰⁰³ telah mengiktiraf kesemua dokumen yang dikeluarkan oleh komputer sebagai keterangan primer namun pemakaian Huraian 3 ini hendaklah dibaca bersama-sama Seksyen 73, 74 dan Seksyen 75 EKMS Perak. Peruntukan ini membincangkan semua dokumen persendirian yang dihasilkan oleh komputer merupakan dokumen primer. Oleh sebab itu, semua salinan yang

¹⁰⁰² *Moriazi bin Mohamad lwn Ajmawati bte Atan* [2005] 4 ShLR 108.

¹⁰⁰³ Malaysia. 1997. *Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997*. (Akta 561). Seksyen 49.

dihasilkan oleh komputer yang tidak asli daripada cakera komputer harus dianggap sebagai dokumen primer.¹⁰⁰⁴

Walaupun kesemua negeri memperuntukkan Huraian 3 Seksyen 49 berkaitan dengan pengiktirafan dokumen yang dikeluarkan oleh komputer ialah keterangan primer, namun hampir semua akta atau enakmen keterangan negeri-negeri SKS tidak mengguna pakai 90A, 90B, 90C, 91-100 Akta Keterangan 1950 kecuali EKMS Perak yang menggunakan peruntukan Seksyen 62 bagi dokumen elektronik awam, manakala Seksyen 73, Seksyen 74 dan Seksyen 75 mengenai dokumen elektronik persendirian.¹⁰⁰⁵

Prinsip umum dalam pengemukaan keterangan dokumen persendirian ialah pembuat dokumen tersebut hendaklah dipanggil dan dokumen hendaklah dikemukakan oleh pembuatnya. Namun prinsip ini dikecualikan oleh seksyen ini¹⁰⁰⁶ apabila ia telah memperkenalkan satu pendekatan baharu iaitu, pertama: dokumen yang dihasilkan oleh komputer boleh dikemukakan sebagai keterangan, dan kedua: pembuat dokumen tidak perlu dipanggil untuk memberi keterangan di mahkamah. Namun penerimaan keterangan dokumen tersebut hendaklah diiringi dengan pengemukaan sijil perakuan yang telah ditandatangani oleh seseorang yang sama ada sebelum atau selepas pengeluaran dokumen itu oleh komputer itu adalah bertanggungjawab bagi pengurusan komputer itu bahawa dokumen telah dikeluarkan oleh komputer dalam perjalanan penggunaannya yang biasa.¹⁰⁰⁷

Dokumen cetakan komputer yang tidak disediakan sijil perakuan tersebut akan menyebabkan dokumen tersebut tidak akan diterima masuk sebagai keterangan dan

¹⁰⁰⁴ Augustine Paul. 2010. *Evidence Practice and Procedure*. 4th Edition. Kuala Lumpur: MLJ Sdn. Bhd. p. 645.

¹⁰⁰⁵ Hassan Ab. Rahman. 2017. "Pandangan Umum Terhadap Peruntukan-peruntukan Statut Keterangan Mahkamah Syariah Malaysia: Suatu Perbandingan dengan Akta Keterangan 1950 [Akta 56]". 1 LNS (A) lxi. p. 16.

¹⁰⁰⁶ Dewan Undangan Negeri Perak. 2004. *Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Perak) 2004*. Seksyen 73(1).

¹⁰⁰⁷ *ibid.* Seksyen 73(2).

sebaliknya akan ditandai sebagai dokumen pengenalan sahaja.¹⁰⁰⁸ Pengkaji bersetuju dengan pendirian Hakim Mahkamah Rayuan Syariah sebagai betul apabila berpandangan Hakim Bicara telah tersalah apabila menerima keterangan tersebut jika dirujuk kepada keputusan oleh Hakim Bicara dalam kes *Moriazi bin Mohamad lwn Ajmawati bte Atan* pula.¹⁰⁰⁹ Isu biasa yang dibangkitkan pada dokumen elektronik adalah, sama ada Plaintiff atau Defendan telah memenuhi syarat Seksyen 90A (2) AK 1950. Bahagian ini memerlukan pengeluaran sijil daripada orang yang bertanggungjawab untuk kerja-kerja yang berkaitan dengan komputer atau pengkomputeran. Walau bagaimanapun, sijil tersebut tidak diperlukan sekiranya orang tersebut hadir semasa pendengaran kes. Prinsip ini diguna pakai dan ditegaskan dalam beberapa kes termasuklah kes *Standard Chartered Bank lwn Mukah Singh*,¹⁰¹⁰ *Gnanasegaran a/l Pararajasingam lwn Pendakwa Raya*,¹⁰¹¹ *Hanafi bin Mat Hassan lwn Pendakwa Raya*,¹⁰¹² dan *Ahmad Najib b Aris lwn Pendakwa Raya*.¹⁰¹³

Sekiranya tiada sebarang bantahan dibuat terhadap keterangan yang dikemukakan oleh para saksi dan bukti tersebut dihasilkan dalam urusan biasa, maka Plaintiff tidak perlu mematuhi syarat Seksyen 90A (2) tersebut. Sijil tidak perlu dikemukakan kecuali bukti tersebut dipertikaikan pada masa bukti itu dikeluarkan. Walaupun begitu, sekiranya dokumen elektronik tersebut merupakan catatan penegasan dibuat oleh seseorang, kebolehterimaan boleh ditolak bergantung pada persepsi manusia dan penyediaan maklumat tersebut ke komputer kerana ia adalah termasuk keterangan dengar cakap kecuali

¹⁰⁰⁸ Jal Zabdi Mohd. Yusoff. 2008. *Pengenalan Undang-undang Keterangan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. p. 168.

¹⁰⁰⁹ *Moriazi bin Mohamad lwn Ajmawati Bte Atan* [2005] 4 ShLR 108.

¹⁰¹⁰ *Standard Chartered Bank lwn Mukah Singh* [1996] 3 MLJ 240 (HC).

¹⁰¹¹ *Gnanasegaran a/l Pararajasingam lwn Pendakwa Raya* [1997] 3 MLJ 1 (CA).

¹⁰¹² *Hanafi bin Mat Hassan lwn Pendakwa Raya* [2006] 4 MLJ 134.

¹⁰¹³ *Ahmad Najib b Aris lwn Pendakwa Raya* [2007] 2 MLJ 505.

penegasan tersebut termasuk dalam pengecualian keterangan dengar cakap.¹⁰¹⁴ Walau apa-apa pun kaedah kebolehterimaan dokumen elektronik persendirian diguna pakai, pengesahan berkaitan dengan kesahihan kandungan dan ketulenan dokumen elektronik tersebut hendaklah dibuktikan terlebih dahulu sebelum sesuatu dokumen tersebut diterima sebagai keterangan.

Bahkan, suatu perkara yang jelas dalam isu pembuktian suatu dokumen persendirian termasuk elektronik ialah elemen keaslian atau ketulenan merupakan satu perkara, dan kerelevanan dokumen tersebut dalam perkara yang didakwa itu merupakan satu perkara yang lain. Selain daripada cirinya yang sah, dokumen tersebut juga hendaklah dokumen utama atau asal; relevan dari segi undang-undang; dan bukan suatu dengar cakap.¹⁰¹⁵ Wujud perbezaan terhadap kaedah pembuktian berdasarkan kedua-dua Akta 561 dan EKMS Perak dengan adanya peruntukan Seksyen 73, 74 dan Seksyen 75 tersebut. Kaedah pembuktian dokumen persendirian elektronik dalam EKMS Perak hendaklah dibuat mengikut Seksyen 73, 74 dan Seksyen 75 tersebut.

Walaupun peruntukan Seksyen 56 tersebut juga ada dalam EKMS Perak namun kaedah pembuktian dokumen elektronik persendirian telah dikhususkan oleh peruntukan tersebut. Manakala kaedah pembuktian dokumen elektronik persendirian berdasarkan Akta 561 hendaklah berdasarkan Seksyen 56 dengan memanggil pembuat dokumen dan pengemukaan dokumen asal. Pengkaji bersetuju dengan saranan kebanyakan pengkaji agar peruntukan undang-undang berkaitan dengan kebolehterimaan keterangan dokumen elektronik turut diperincikan sebagaimana di negeri Perak ataupun Akta Keterangan 1950.

¹⁰¹⁴ Duryana Mohamed & Zulfakar Ramlee. 2014. "Case of Electronic Evidence in Malaysian Courts: The Civil and Syariah Perspective". *ICSSR e-Journal Social Sciences Research*. Johor: Penerbit MyJurnal. Vol. 1. No. 2. pp. 4-5.

¹⁰¹⁵ Mursilalaili Mustapa Sa'di et al. 2015. "Reception of Electronic Evidence from Islamic Perspective". *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*. n.pl: n.pb. Vol. 9. No. 26. p. 30.

6.1.8. Prinsip Penerimaan Keterangan Melalui Dokumen Persendirian

Undang-undang keterangan yang berkuat kuasa di mahkamah syariah adalah suatu undang-undang prosedur yang menjadi penapis sebelum sesuatu fakta atau keterangan yang dikemukakan kepada mahkamah boleh diterima atau ditolak. Undang-undang keterangan yang berkuat kuasa juga telah menetapkan prinsip bagaimana proses mengemukakan suatu dokumen persendirian dan prosedur yang perlu dipatuhi untuk mahkamah menerima sesuatu dokumen persendirian sebagai keterangan. Prinsip penerimaan keterangan ini boleh dibahagikan kepada tiga mengikut turutan seperti yang berikut:

a. Relevan

Sebelum sesuatu dokumen persendirian tersebut diterima masuk sebagai keterangan, elemen pertama yang perlu dibuktikan ialah dokumen persendirian tersebut adalah relevan dengan kes yang dibicarakan. Relevan merupakan suatu prinsip umum dalam undang-undang keterangan yang menentukan keterangan yang boleh dikemukakan kepada mahkamah termasuklah dokumen. Konsep ini diperkenalkan untuk mengelak pihak-pihak yang bertikai daripada mengemukakan keterangan atau fakta yang tidak mempunyai kaitan dengan kes yang dibicarakan¹⁰¹⁶ termasuklah dalam kes pengesahan hibah. Keadaan ini bersesuaian dengan keputusan dalam kes *Mustafakamal bin Basir Ahmad lwn Shasha Fariha bt Mohd Shafie*,¹⁰¹⁷ yang memutuskan bahawa hanya dokumen yang relevan sahaja boleh ditender ke dalam mahkamah.

Dalam kes pengesahan hibah, dokumentasi hibah adalah relevan untuk dikemukakan kepada mahkamah kerana penerimaan dokumen tersebut boleh membuktikan kewujudan

¹⁰¹⁶ Jal Zabdi Mohd. Yusoff. 2008. *Pengenalan Undang-undang Keterangan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. p. 9.

¹⁰¹⁷ *Mustafakamal bin Basir Ahmad lwn Shasha Fariha bt Mohd Shafie*. Mahkamah Rayuan Syariah Selangor. Kes Mal (Semakan) No. 10000-003- 0019-2017. (Tidak dilaporkan).

sesuatu hibah. Senario ini selari dengan hasil kajian yang mendapati kewujudan dokumen hibah terbukti telah memudahkan proses pengesahan hibah di mahkamah tinggi syariah.¹⁰¹⁸

Secara ringkasnya, persoalan pertama yang perlu dijawab sebelum sesuatu dokumen persendirian tersebut dikemukakan adalah, “Adakah fakta yang ingin dikemukakan itu merupakan satu fakta yang relevan?” Jika maklum balas untuk persoalan tersebut ialah, “Ya” maka dokumen persendirian tersebut wajar dikemukakan dalam perbicaraan tersebut.

b. Kebolehterimaan

Setelah dibuktikan dokumen persendirian tersebut adalah relevan, maka persoalan seterusnya adalah, “Adakah terdapat sebarang halangan kepada penerimaan masuk keterangan tersebut dalam undang-undang keterangan?” Jika jawapan kepada persoalan ini adalah, “Tiada”, maka keterangan tersebut adalah relevan dan boleh diterima masuk oleh mahkamah. Sebelum suatu dokumen persendirian diterima masuk oleh mahkamah, dokumen persendirian tersebut hendaklah dibuktikan dengan ketulenan dokumen itu sendiri dan juga kesahihan kandungan dokumen persendirian tersebut. Dalam konteks pembuktian dokumentasi hibah, kaedah keterangan terbaik adalah dengan mengemukakan dokumen asal itu sendiri bagi membuktikan ketulenannya manakala membawa masuk pembuat dokumen adalah bagi membuktikan kesahihan dokumen.

c. Nilai Probatif

Nilai probatif merupakan suatu nilai yang diberikan oleh hakim perbicaraan terhadap keterangan atau fakta yang dikemukakan oleh pihak bertikai setelah dokumen persendirian

¹⁰¹⁸ Adilah Mohd Sa'afie & Mohd Zamro Muda. 2018. “Garis Panduan dalam Penyediaan Borang Hibah di Mahkamah Tinggi Syariah”. *Journal of Contemporary Islamic Law*. Bangi: UKM. Vol. 3. No. 1. Jun. p. 1.

tersebut diterima masuk sebagai keterangan. Penilaian ini biasanya dibuat oleh hakim pada akhir perbicaraan kes, semasa mempertimbangkan tuntutan pihak-pihak berkaitan dengan fakta persoalan. Nilai sesuatu keterangan itu bergantung pada hakim untuk menentukannya berdasarkan kebenaran, kebolehpercayaan dan keyakinan keterangan tersebut.

6.2. Cadangan

Pengkaji mencadangkan beberapa cadangan penambahbaikan yang perlu dilaksanakan bagi memastikan konsep dan pemakaian dokumen persendirian di mahkamah syariah di Malaysia dapat difahami dan dilaksanakan dengan betul berdasarkan rumusan seperti yang berikut:

6.2.1. Model Dokumentasi Hibah


Selain pembuktian terhadap dokumen hibah, kepelbagaian pelbagai bentuk termasuklah kandungan dokumen hibah yang tidak seragam menjadi punca kepada perbezaan keputusan termasuklah penolakan terhadap dokumen hibah sebagai kaedah pembuktian di mahkamah syariah. Penyedia perkhidmatan penulisan hibah hendaklah memastikan dokumen hibah yang ditulis bukan sahaja memnuhi kehendak hukum syarak bahkan perlu memastikan dokumen hibah tersebut oleh dibuktikan di mahkamah syariah mengikut kehendak undang-undang.

Pengkaji **mencadangkan** kepada penyedia perkhidmatan hendaklah memastikan dokumen hibah tersebut hendaklah mengandungi maklumat yang mencukupi bagi mengelakkan tuntutan hibah tersebut ditolak. Oleh itu, dokumen hibah hendaklah mengandungi maklumat-maklumat penting yang berikut;

- a. **Pemberi Hibah** hendaklah dalam keadaan sihat dan sukarela dan merupakan pemilik mutlak harta yang dihibahkan tersebut.
- b. **Penerima Hibah** boleh diberikan kepada sesiapa sahaja yang diinginkan oleh pemberi hibah dengan syarat penerima tersebut hendaklah seorang ahli *tasarruf*. Namun bagi orang yang bukan ahli *tasarruf*, maka penerimaan boleh dilakukan oleh wali (penjaga harta) atau wakil mereka.
- c. **Barang atau harta** yang dihibahkan hendaklah tidak mempunyai sebarang sekatan dan merupakan harta yang bernilai. Barang atau harta tersebut juga hendaklah boleh dibuktikan milik pemberi hibah.
- d. **Šīghah** hendaklah mengandungi lafaz *ījāb* dan *ijab* oleh pemberi hibah kepada penerima hibah dan penerima hibah hendaklah melafazkan lafaz *qabūl* selepas lafaz *ījāb* pemberi dalam satu majlis.
- e. **Qabḍ** iaitu penerimaan harta oleh penerima hibah hendaklah boleh dibuktikan.

Penyedia perkhimatan hendaklah memastikan kesemua dokumen yang boleh membuktikan rukun hibah hendaklah disalinkan dan dilampirkan dalam dokumen hibah sebagai bukti yang mengesahkan maklumat dalam dokumen tersebut. Contoh dokumen adalah seperti Salinan kad pengenalan pemberi dan penerima hibah, geran harta yang dihibahkan dan bukti penyerahan harta tersebut kepada penerima. Bagi menyempurnakan dan menguatkan dokumen hibah, maklumat dua orang saksi lelaki hendaklah dibenarkan memeriksa semua dokumen asal yang berkaitan dalam dokumen hibah tersebut. Selain itu, kedua-dua saksi tersebut hendaklah hadir dan menyaksikan majlis perisytiharan hibah tersebut sehingga selesai. Setelah selesai majlis hibah tersebut, kedua-dua saksi hendaklah menurunkan tandatangan di dalam dokumen hibah tersebut.

Penyedia perkhidmatan penulisan dokumen hibah hendaklah memastikan proses ini dijalankan secara teliti dan memastikan setiap dokumen hibah yang dibuat boleh disahkan di Mahkamah Syariah berdasarkan undang-undang keterangan syariah. Hal ini kerana memastikan keabsahan dokumen hibah hendaklah menjadi tanggungjawab kepada penyedia perkhidmatan penulisan hibah tersebut. Dari sudut penguatkuasaan dokumen hibah yang seragam, pengkaji berpandangan hasrat ini boleh dilaksanakan melalui amalan atau kaedah hibah yang diwujudkan melalui Arahan Amalan. Arahan Amalan ini mempunyai punca kuasa undang-undang yang diberikan oleh Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam/Enakmen atau Ordinan Mahkamah Syariah/ Enakmen Pentadbiran Islam. Model dokumentasi yang komprehensif dan seragam boleh dirujuk seperti di bawah;



Rajah 2: Model Dokumentasi Hibah

6.2.2. Pengubalan Enakmen atau Akta Amanah Orang Islam

Perbahasan pengkaji sebelum ini mendapati bahawa terdapat masalah berkaitan dengan penguatkuasaan hibah amanah apabila pelantikan pemegang amanah dilaksanakan sejurus

selesai peringkat pertama yang bertujuan untuk menguruskan harta tersebut. Pelantikan pemegang amanah dibuat adalah berdasarkan konsep amanah yang telah digubal di bawah bidang kuasa mahkamah sivil seperti Akta Syarikat Amanah 1952; Akta Pemegang Amanah 1949; dan seumpamanya. Oleh sebab pelantikan pemegang amanah tersebut dibuat berdasarkan Akta Pemegang Amanah 1949, maka sudah tentu tindakan dan punca kuasa hendaklah dirujuk kepada mahkamah sivil jika berlaku sebarang permasalahan bersesuaian dengan keputusan kes *TM Feroze Khan & Ors lwn Meera Hussain TM Mohamed Mydin*.¹⁰¹⁹

Keputusan ini diperkukuh lagi dengan keputusan dalam kes *SMASJ lwn SSSMJ*¹⁰²⁰ yang memutuskan bahawa persoalan mengenai amanah wujud atau tidak, hendaklah diputuskan oleh mahkamah sivil. Pemakaian pemegang amanah dalam Akta Pemegang Amanah 1949 amat berbeza dengan konsep amanah dari sudut hukum syarak kerana pemegang amanah dalam hukum syarak hanya dilantik bagi menguruskan harta orang yang tidak berkeupayaan sama ada kanak-kanak atau dewasa yang juga dikenali sebagai penjaga harta. Oleh itu, pemakaian pemegang amanah di bawah Akta Pemegang Amanah 1949 adalah tidak selari dengan konsep amanah Islam. Konsep amanah dalam Islam berkait rapat dengan tugas dan ciri-ciri yang perlu dimiliki oleh seorang penjaga (*wasī*) sekiranya ditinjau dari perspektif perancangan harta pusaka.

Perbincangan konsep amanah Islam merupakan sesuatu yang *al-durūrī* kerana ia melibatkan kepercayaan seorang pewasiat (*mūsī*) dalam mengamanahkan sesuatu perkara

¹⁰¹⁹ *TM Feroze Khan & Ors lwn Meera Hussain TM Mohamed Mydin* [2006] 3 CLJ 616.

¹⁰²⁰ *SMASJ lwn SSSMJ*. Mahkamah Rayuan Syariah Selangor. Rayuan Mal No. 10000- 040-0041-2015. (Kes Tidak dilaporkan).

kepada orang dipercayainya.¹⁰²¹ Ulama fiqh mengklasifikasikan amanah dalam pelbagai akad seperti berikut:

- i. Akad *wakālah*: pihak yang diwakilkan akan melaksanakan tugas yang diamanahkan mewakili orang yang diwakili,
- ii. Akad *kafālat*: jaminan (*damān*) yang dilakukan oleh penjamin (*kafīl*) ke atas pihak ketiga (*makfūl ‘anhu*) atas kewajipan yang perlu dilaksanakan kepada pihak kedua,
- iii. Akad *wiṣāyat*: pelantikan seorang penjaga (*wasī*) untuk menguruskan harta dan anaknya selepas kematiannya,
- iv. Akad *haḍānat*: penjagaan seorang kanak-kanak bawah umur yang belum mencapai akhir baligh yang tidak mampu menguruskan diri sendiri sama ada ketika berkahwin atau telah bercerai,
- v. Akad *wilāyat*: “pemberian kuasa (*wilāyat*) kepada seorang wali (*wakīl*) sewaktu masih hidup untuk sesuatu urusan”.
- vi. Akad *wadī‘at*: penyerahan suatu hak milik kepada seseorang (*mudī‘*) untuk tujuan penyimpanan,
- vii. Akad *waṣīyat*: pemberian sesuatu selepas kematian, dan
- viii. Akad *i‘ārat*: pemilikan manfaat tanpa balasan pada masa hidup.¹⁰²²

¹⁰²¹ Muhamad Mu‘izz Abdullah, Abdul Bari Awang dan Nasrul Hisyam Nor Muhammad. 2020. “Wiṣāyah dan Amanah: Analisis Perbandingan Undang-Undang Syariah dan Sivil dalam Perancangan Harta Pusaka”. *Jurnal Syariah*. Vol. 28. No. 2. pp. 157-188.

¹⁰²² ‘Abd Allāh Muḥammad Sa‘īd. 2005. *Al-Wiṣāyah fī al-Fiqh al-Islāmī wa Qānūn al-Aḥwāl al-Shakhṣiyyah al-Urdūnī: Dirāsah Muqāranah*. (Risālah al-Duktūrah fī al-Fiqh wa Uṣūl al-Fiqh). Al-Jāmi‘at al-Urdūniyah: Kulliyah al-Dirāsāt al-‘Ulyā. pp. 22-26; Ashrāf Ḥanḍal al-Shā‘īr. 2006. *Aḥkām al-Wiṣāyah fī al-Sharī‘ah al-Islāmiyah wa Madā Taṭbīqatuhā fī al-Maḥākīm al-Shar‘iyyah fī Qiṭa‘ al-Ghazzah*. (Risālah al-Mājistir). Al-Jāmi‘at al-Islāmiyyah bi Ghazzaṭ: Kulliyah al-Shāri‘at wa al-Qānūn. pp. 9-13.

Kesemua akad ini memberi maksud yang satu, iaitu memberi kepercayaan kepada seorang *wasī* atas pemilikan sesuatu harta. Pembentukan amanah dalam perundangan Islam kebanyakannya terbentuk melalui akad-akad tersebut.¹⁰²³

Amanah orang Islam hanya boleh tertumpu kepada pengurusan pewarisan berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengangkatan, kesahatarafan, penjagaan, alang, pecah milik dan amanah bukan khairat, zakat, fitrah dan baitulmal bersesuaian dengan Senarai 2, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan.¹⁰²⁴ Selain pembentukan amanah menerusi akad, amanah juga boleh diwujudkan menerusi peruntukan undang-undang contohnya peranan baitulmal sebagai pemegang harta orang Islam iaitu zakat. Selain itu, amanah juga boleh wujud dengan perintah mahkamah seperti pelantikan pentadbir bagi orang yang tidak mempunyai kapasiti menguruskan harta.¹⁰²⁵

Justeru, **pengkaji mencadangkan** supaya suatu undang-undang amanah orang Islam digubal dan dikuatkuasakan berdasarkan Senarai 2, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Penggubalan undang-undang amanah orang Islam ini yang terperinci boleh memastikan pelaksanaannya lebih sistematik dan bagi mengelakkan kebergantungan pada Akta Pemegang Amanah 1949. Bahkan sebarang pertikaian berkaitan dengan amanah orang Islam boleh dirujuk kepada mahkamah syariah dengan adanya

¹⁰²³ Muhamad Mu'izz Abdullah, Abdul Bari Awang dan Nasrul Hisyam Nor Muhammad. 2020. "Wişāyah dan Amanah: Analisis Perbandingan Undang-undang Syariah dan Sivil dalam Perancangan Harta Pusaka". *Jurnal Syariah*. Vol. 28. No. 2. p. 161.

¹⁰²⁴ Abdullah Muhammad. 2006. "Pengamanahan Harta Orang Islam di Malaysia". Dlm. *Harta Amanah Orang Islam di Malaysia: Perspektif Undang-undang dan Pentadbiran*. Siti Mashitoh Mahamood. (ed.). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. p. 124.

¹⁰²⁵ Muhamad Mu'izz Abdullah, Abdul Bari Awang dan Nasrul Hisyam Nor Muhammad. 2020. "Wişāyah dan Amanah: Analisis Perbandingan Undang-undang Syariah dan Sivil dalam Perancangan Harta Pusaka". *Jurnal Syariah*. Vol. 28. No. 2. p. 161.

undang-undang ini. Secara langsung tidak timbul persoalan mengenai amanah itu wujud atau sebaliknya, yang perlu diputuskan oleh Mahkamah Sivil.

Setiap produk amanah yang ingin dibentuk mestilah mematuhi segala peraturan yang berada di bawah akad yang ditetapkan oleh hukum syarak. Walaupun akad amanah dalam Islam boleh dibuat dalam pelbagai bentuk namun pengkaji mencadangkan agar undang-undang amanah ini hanya memberi fokus pada amanah dalam bentuk akad *wakālah* dan *wiṣāyat* sahaja. Cadangan ini adalah bagi menangani isu amanah dalam pengurusan harta orang Islam kedua-dua bentuk amanah ini memberi kuasa kepada pemegang amanah untuk melakukan *tasarruf* atau urus niaga terhadap harta amanah. Kuasa tersebut menjadikan konsep amanah lebih fleksibel dan amat sesuai untuk diaplikasikan dalam konteks semasa¹⁰²⁶ seperti berikut:

Pertama: *Wakālah*

Amanah dalam akad *wakālah* berlaku apabila pemilik harta atau pembuat amanah meminta agensi amanah atau mana-mana individu menjadi wakil pihaknya untuk menguruskan hartanya semasa hidup dalam pelbagai transaksi atau urusan. Agensi amanah sebagai wakil yang menerima perwakilan tersebut merupakan pemegang amanah yang akan menguruskan harta pembuat amanah berdasarkan terma dan syarat-syarat yang dipersetujui.¹⁰²⁷ Justeru, kandungan utama akad *wakālah* dalam undang-undang hendaklah termasuk perkara berikut:

¹⁰²⁶ Noor Lizza bt Mohamed Said, Wan Amirul Adli bin Wan Ayub, Mohd Zamro bin Muda, Adnan Mohamed Yusoff & Mohd Izhar Ariff bin Mohd Kashim. 2019. "Pengamanahan dalam Perancangan dan Pengurusan Harta Orang Islam". *Jurnal Islamiyyat*. Bangi: UKM. Vol. 2. p. 75.

¹⁰²⁷ *ibid.* p. 75.

a) Tafsiran *Wakālah*

Wakālah ialah penyerahan mandat (*tafwīd*) kepada orang lain untuk melakukan sesuatu semasa hidupnya dalam perkara yang dibolehkan oleh syarak untuk diwakilkan.¹⁰²⁸

Wakālah ialah pelantikan atau penyerahan amanah kepada seseorang untuk melaksanakan sesuatu tugas yang dimaklumi (skop atau ruang lingkup tugasannya) serta dibenarkan oleh syarak dan undang-undang bahawa ia boleh diserahkan kepada orang lain.¹⁰²⁹

b) Rukun dan Syarat *Wakālah*

Rukun *Wakālah* terbahagi kepada empat iaitu;

- i. Orang yang mewakilkan hendaklah seorang yang mukallaf, *mumaiyīz*, pemilik barang, memiliki kuasa atau hak bertindak terhadap barang tersebut,
- ii. Orang yang mewakili hendaklah seorang yang berakal, *mumaiyīz* dan mukallaf serta mampu melaksanakan tugas yang diwakilkan kepadanya,
- iii. Barang atau perkara tersebut hendaklah tidak bertentangan dengan syariat Islam dan boleh diwakilkan kepada orang lain termasuklah harta dan bukan harta seperti solat dan puasa. Barang atau perkara yang diwakili mestilah jelas dan dimaklumi, dan
- iv. *Sīghat* atau lafaz *ījab* dan *qabūl* yang menunjukkan persetujuan terhadap akad *al-wakālah* daripada kedua-dua pihak yang berakad.¹⁰³⁰

¹⁰²⁸ Muhammad Mustafa Shalabī. 1985. *Al-Madkhal fī al-Ta'rif al-Fiqh al-Islāmiyy wa Qawā'id al-Milkiyyah wa al-'Uqūd Fīh*. Beirūt: Dār al-Nahḍah al-'Arabiyyah. p. 523.

¹⁰²⁹ Wan Azlan Wan Adnan & Nor Aini Ali. 2020. "Konsep Akad Komisen dalam Islam dan Aplikasinya dalam Sistem Muamalat Semasa". *Online Journal of Research in Islamic Studies*. Vol. 7. No. 3. p. 7.

¹⁰³⁰ Wahbah al-Zuhayli. 1989. *Al-Fiqh al-Islāmī wa 'Adillatuh*. Damsyiq: Dār al-Fikr. p. 4057.

c) Kesan *Wakālah*

Penyerahan kuasa mentadbir kepada pemegang amanah atau wakil bagi pihak yang lain menerusi akad *wakālah* mewujudkan pegangan harta secara amanah dan tidak menjadikan harta tersebut berpindah milik kepada pemegang amanah iaitu wakil sebagaimana dalam peraturan *wakālah* yang asal. Pembuat amanah masih mempunyai hak ke atas harta amanah termasuklah melakukan sebarang transaksi, membatalkan amanah dan sebagainya.¹⁰³¹

d) Penamatan dan Pembatalan *Wakālah*

Wakālah hanya berkuat kuasa semasa hayat pembuat amanah dan terbatal apabila berlakunya perkara-perkara berikut:

- i. Pemegang amanah atau pembuat amanah menarik diri,
- ii. Pemegang atau pembuat amanah terkeluar daripada keahlian untuk bertasarruf seperti gila, murtad, muflis dan safih,
- iii. Pemegang amanah melakukan perbuatan pecah amanah seperti menjual harta amanah atau seumpamanya,
- iv. Pemegang amanah melakukan perkara di luar batas yang dibenarkan oleh pembuat amanah,¹⁰³² dan
- v. *Wakālah* boleh dibatalkan oleh pembuat amanah pada bila-bila masa melainkan terdapat dalam surat ikatan amanah yang menyatakan sebaliknya.¹⁰³³

¹⁰³¹ Noor Lizza bt Mohamed Said, Wan Amirul Adli bin Wan Ayub, Mohd Zamro bin Muda, Adnan Mohamed Yusoff & Mohd Izhar Ariff bin Mohd Kashim. 2019. "Pengamanahan dalam Perancangan dan Pengurusan Harta Orang Islam". *Jurnal Islamiyyat*. Bangi: UKM. Vol. 41. No. 2. p. 75.

¹⁰³² Kamaruddin Awang Mat. 2014. *Pelaksanaan Konsep dan Amalan Wakalah bi Ajr dalam Perniagaan Jualan Langsung Berbilang Tingkat*. (Tesis PhD). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. p. 76.

¹⁰³³ Noor Lizza bt Mohamed Said, Wan Amirul Adli bin Wan Ayub, Mohd Zamro bin Muda, Adnan Mohamed Yusoff & Mohd Izhar Ariff bin Mohd Kashim. 2019. "Pengamanahan dalam Perancangan dan Pengurusan Harta Orang Islam". *Jurnal Islamiyyat*. Bangi: UKM. Vol. 41. No. 2. p.75

Pengkaji juga mencadangkan agar suatu peruntukan berkaitan dengan upah boleh dimasukkan ke dalam undang-undang ini sebagai imbalan atau ganjaran yang diberikan oleh orang yang diwakili kepada yang mewakili.¹⁰³⁴ Selain itu, pelbagai syarat lain boleh dipertimbangkan dan dimasukkan ke dalam undang-undang tersebut bersesuaian dengan keadaan semasa selagi tidak bertentangan dengan hukum syarak.

Kedua: *Wisāyah*

Wisāyah adalah lebih tertumpu kepada pengurusan harta dan perlindungan kepada kanak-kanak bawah umur termasuk anak yatim dan orang kurang upaya selepas kewafatan penjaga.¹⁰³⁵ Konsep *Wisāyah* dalam perbincangan ini merupakan suatu penyerahan hak berdasarkan kewaliannya; pelantikan sama ada menerusi *mūsī* atau hakim; pelaksanaannya untuk melindungi nyawa dan harta; diizinkan oleh syarak untuk mengembangkan harta amanah; dan *wisāyah* mempunyai tempoh pengamanahan yang tersendiri seperti mencapai umur akhir baligh.¹⁰³⁶ Konsep *wisāyah* ini telahpun diperuntukkan dan dikuatkuasakan dalam undang-undang di Malaysia walaupun perkataan *wisāyah* tidak digunakan secara khusus.

Konsep *wisāyah* telah dinyatakan dalam Bahagian (vi): “Nafkah Isteri, Anak dan Lain-Lain” dan Bahagian (vii): “Hak Penjagaan” Akta 303. Bahkan melalui Seksyen 81 dan Seksyen 82 Akta 303 tersebut ada menyatakan pelantikan *waṣī* yang betul dan syarat-

¹⁰³⁴ Ibn Qudāmah, Mawfiquddin ‘Abdullah bin Ahmad. 2004. *Al-Mughni*. Kaerah: Dār Hadīth. p. 468.

¹⁰³⁵ Badruddin Hj Ibrahim. 2006. *The Concept of al-Wisayah with Special Reference to the Administration of a Minor’s Property under Islamic Law and the Enacted Islamic Law in Malaysia*. (Tesis PhD). Universiti Islam Antarabangsa Malaysia: Kulliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim. pp. 24-38. Lihat juga Badruddin Hj Ibrahim. 2012. “Will of Entrustment as a Means of Protection of Children’s Right to Property in Islamic Law”. *Australian Journal of Basic and Applied Sciences*. Vol. 6. No. 11. pp. 85-94.

¹⁰³⁶ Abd Allāh Muḥammad Sa‘īd. 2005. *Al-Wiṣāyah fī al-Fiqh al-Islāmī wa Qānūn al-Aḥwāl al-Shakhṣiyyah al-Urdūnī: Dirāsah Muqāranah*. (Risālah al-Duktūrah fī al-Fiqh wa Uṣūl al-Fiqh). Al-Jāmi‘at al-Urdūniyah: Kulliyyah al-Dirāsāt al-‘Ulyā. pp. 20-21.

syarat yang perlu dipatuhinya untuk memastikan kepentingan diri dan harta benefisiari terjaga. Bahkan mahkamah syariah mempunyai bidang kuasa untuk menentukan hak jagaan *al-qaṣīr* dalam Seksyen 86 Akta 303 dan melantik penjaga diri dan harta anak tersebut berdasarkan Seksyen 90 Akta 303 bertindak sebagai penjaga sekiranya pelantikan *waṣī* tidak dilakukan ketika hidup *muṣī*. Situasi ini juga boleh ditafsirkan sebagai konsep *wisāyah*.¹⁰³⁷

Selain peruntukan-peruntukan yang disebutkan ini, terdapat juga peruntukan berkaitan dengan tanggungjawab *waṣī* membuat pembayaran zakat kanak-kanak bawah umur, di bawah perincian Seksyen 87 melalui Sel. P.U. 47/2012, Peraturan-Peraturan Zakat dan Fitrah (Negeri Selangor) 2012. Konsep *wisāyah* ini adalah sebahagian daripada ciri-ciri amanah dalam Islam dan pelaksanaannya telah berlaku semenjak zaman Baginda SAW dan aplikasinya meliputi wasiat, *ḥadānat*, *kafālat* dan *wakālah*. Pemilihan *waṣī* yang betul dan sesuai menjamin kelangsungan hidup kanak-kanak bawah umur untuk meniti kehidupan yang mencabar setelah kematian penjaga. Pemahaman yang tepat mengenai *wisāyah* bukan sahaja dapat menjaga *masalah* kanak-kanak bawah umur, bahkan *wisāyah* dapat digunakan sebagai instrumen perancangan harta sewaktu hidup.¹⁰³⁸

Pengkaji mendapati bahawa pemakaian konsep *wisāyah* telah pun diperuntukkan dalam Undang-undang Syariah sedia ada namun berada dalam keadaan yang tidak teratur. **Pengkaji mencadangkan** agar konsep amanah melalui *Wisāyah* ini dibuat dalam satu undang-undang yang khusus yang lebih terperinci dan lengkap sebagai salah satu kaedah

¹⁰³⁷ Muhamad Mu'izz Abdullah, Abdul Bari Awang dan Nasrul Hisyam Nor Muhammad. 2020. "Wisāyah dan Amanah: Analisis Perbandingan Undang-undang Syariah dan Sivil dalam Perancangan Harta Pusaka". *Jurnal Syariah*. Vol. 28. No. 2. p. 161.

¹⁰³⁸ Muhamad Mu'izz Abdullah, Abdul Bari Awang & Badruddin Hj Ibrahim. 2020. "Konsep Wisayah daripada Perspektif Syariah: Analisis Pelaksanaannya di Majlis Agama Islam Negeri". *Jurnal Muwafaqat*. Bangi: KUIS. Vol. 3 No. 2. pp. 17-18.

pengamanahan orang Islam. Selain itu, perlulah dimasukkan juga elemen-elemen seperti tafsiran, rukun dan syarat, kesan penamatan dan pembatalan *Wisāyah* seperti konsep amanah. Justeru, gabungan kedua-dua akad *Wakālah* dan *Wisāyah* ini boleh menjadi teras utama dalam suatu undang-undang amanah orang Islam.

Pengkaji turut mencadangkan agar suatu amalan atau kaedah hibah hendaklah diwujudkan di negeri-negeri yang belum mempunyai undang-undang hibah itu sendiri sebagai satu tindakan penyelesaian jangka pendek. itu pula akan dikuatkuasa melalui pengeluaran Arahan Amalan oleh Ketua Hakim Syarie negeri dan akan mengikat pelaksanaan hibah dinegeri tersebut dengan sehingga enakmen berkaitan hibah diwujudkan. Penguatkuasaan amalan atau hibah kaedah mempunyai elemen undang-undang kerana dikuatkuasakan melalui Akta/Enakmen/Ordinan Mahkamah Syariah atau Pentadbiran Undang-Undang Islam atau Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri.

6.2.3. Penyeragaman Enakmen atau Akta Keterangan Mahkamah Syariah

Setiap negeri di Malaysia ini mempunyai bidang kuasa tersendiri dalam urusan agama Islam termasuklah penubuhan mahkamah syariah negeri-negeri. Keadaan ini telah menyebabkan wujudnya perbezaan Undang-undang Syariah yang diwujudkan di setiap negeri termasuklah akta atau enakmen keterangan mahkamah syariah negeri-negeri. Perbezaan akta atau enakmen keterangan mahkamah syariah negeri-negeri ini merangkumi pelbagai sudut antaranya peruntukan yang berbeza; susunan yang berbeza; dan kedudukan peruntukan yang berbeza.

Kajian ini telah membuktikan bahawa wujudnya perbezaan antara Akta 561 dan EKMS Perak terutamanya berkaitan dengan pembuktian dokumen elektronik. Perbezaan antara kedua-dua akta dan enakmen tersebut adalah ketara bahkan boleh menyebabkan

wujudnya perbezaan kaedah pembuktian berkaitan dengan dokumen elektronik dalam perbicaraan di mahkamah syariah. Akta 561 tidak mengandungi peruntukan Seksyen 62 bagi dokumen awam elektronik dan Seksyen 73, 74 dan Seksyen 75 bagi dokumen persendirian elektronik. Perbezaan peruntukan tersebut telah mewujudkan kaedah pembuktian yang berbeza berdasarkan kedua-dua Akta 561 dan EKMS Perak tersebut.

Oleh itu, **pengkaji mencadangkan** agar pindaan dibuat terhadap Akta 561 dan mana-mana enakmen keterangan mahkamah syariah negeri bagi memasukkan peruntukan Seksyen 73, 74 dan Seksyen 75 tersebut. Pindaan ini penting bagi menyeragamkan kesemua akta atau enakmen keterangan berkaitan dengan pembuktian dokumen elektronik. Penyeragaman kaedah ini penting bagi mengelakkan salah faham dan tafsiran pemakaian yang pelbagai dalam menerima keterangan dokumen elektronik seperti yang berlaku dalam kes *Moriazi bin Mohamad lwn Ajmawati bte Atan*.¹⁰³⁹ Penyeragaman kaedah pembuktian dokumen persendirian elektronik ini penting bagi mengelakkan daripada berlaku tohmahan kepada kredibiliti mahkamah syariah dalam memberi keadilan kepada masyarakat. Walaupun pengkaji menyedari hal ini amat sukar dilakukan kerana mahkamah syariah menjalankan fungsinya berdasarkan bidang kuasa negeri, namun penyeragaman undang-undang keterangan syariah ini bukan perkara yang mustahil. Penyeragaman ini boleh dilaksanakan dengan usaha bersungguh-sungguh oleh pemegang taruh.

6.2.4. Garis Panduan Prosedur Pembuktian Dokumen Persendirian Mahkamah Syariah di Malaysia

Berdasarkan hasil kajian ini, pengkaji mencadangkan satu garis panduan berkaitan prosedur pembuktian dokumen persendirian di mahkamah syariah di Malaysia seperti yang berikut;

¹⁰³⁹ *Moriazi bin Mohamad lwn Ajmawati bte Atan* [2005] 4 ShLR 108.

Bahagian 1. Nama dan Pemakaian

1. Garis panduan ini di namakan Garis Panduan Prosedur Pembuktian Dokumen Persendirian Mahkamah Syariah di Malaysia.
2. Garis panduan ini bertujuan untuk menyeragamkan pemakaian kaedah pembuktian dokumen persendirian di Mahkamah Syariah di Malaysia.
3. Garis panduan ini hendaklah terpakai di semua peringkat mahkamah syariah iaitu Mahkamah Rendah Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah.
4. Garis Panduan ini hendaklah dibaca bersama Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) No. 8 Tahun 2022. Arahan Amalan ini mewajibkan Hakim yang mengendalikan kes memastikan pihak-pihak memfailkan dokumen-dokumen sebelum perbicaraan bagi menentukan dokumen yang akan digunakan dalam perbicaraan termasuklah dokumen persendirian.
5. Garis panduan ini merangkumi pemakaian kaedah pembuktian dokumen persendirian yang seragam merangkumi dokumen persendirian fizikal dan dokumen persendirian elektronik.

Bahagian 2. Tafsiran

6. Dalam Garis Panduan ini, melainkan jika konteks yang menghendaki makna yang lain—

“Hakim” atau “Hakim Syarie” ertinya seorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah atau Hakim Mahkamah Rendah Syariah mengikut yang mana-mana yang berkenaan, yang dilantik di bawah Akta/Enakmen/Ordinan Pentadbiran Agama Islam/Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri atau mana-mana undang-undang bertulis negeri yang berkenaan;

“Mahkamah” ertinya Mahkamah Rendah Syariah atau Mahkamah Tinggi Syariah, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang ditubuhkan di bawah Akta/Enakmen/Ordinan Pentadbiran Agama Islam/Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri atau mana-mana undang-undang bertulis negeri yang berkenaan;

Bahagian 3. Tatacara Pengendalian Pengurusan Dokumen Persendirian Semasa Pengurusan Kes

7. Proses pengurusan dokumen persendirian di peringkat pengurusan kes ini hendaklah dijalankan oleh hakim bicara itu sendiri berdasarkan undang-undang keterangan syariah.
8. Hakim hendaklah memastikan semua dokumen persendirian yang hendak dikemukakan semasa perbicaraan nanti adalah relevan dengan kes yang dituntut oleh pihak-pihak. Hakim bicara hendaklah menolak mana-mana dokumen persendirian yang tidak relevan dengan kes yang akan dibicarakan pada peringkat ini.
9. Hakim hendaklah membahagikan ikatan dokumen persendirian tersebut kepada tiga (3) kategori iaitu Ikatan Dokumen Yang Dipersetujui dalam Ikatan A yang

merangkumi dokumen yang dipersetujui dari sudut keaslian dan kesahihan kandungan dokumen tersebut. Ikatan B atau Ikatan Dokumen Yang Dipersetujui Tetapi Kandungan Dipertikaikan hendaklah mengandungi semua dokumen yang kandungan dokumen persendirian yang dipertikaikan. Manakala Ikatan C pula mengandungi semua dokumen persendirian yang dipertikaikan daripada sudut keaslian mahupun kesahihan kandungan yang dikenal sebagai Ikatan Dokumen Yang Tidak Dipersetujui.

10. Hakim hendaklah menerima Ikatan Dokumen A **tanpa perlu dibicarakan** dan menandai sebagai “P” untuk Plaintif dan “D” untuk Defendan berdasarkan undang-undang keterangan syariah. Penerimaan ini hendaklah termasuk salinan dokumen dalam ikatan dokumen yang dipersetujui sebagai dokumen asal.
11. Hakim hendaklah memastikan Ikatan Dokumen B ditandai sebagai “ID” walaupun pihak-pihak bersetuju terhadap keaslian dokumen tersebut. Hakim juga hendaklah memastikan dengan Ikatan Dokumen C yang hanya boleh ditandai sebagai “ID” sahaja kerana keaslian dokumen persendirian dan kesahihan kandungan dokumen persendirian tersebut dipertikaikan.

Bahagian 4. Tatacara Pengendalian Pengurusan Dokumen Persendirian Semasa Perbicaraan

12. Hakim hendaklah memastikan kesahihan kandungan Ikatan Dokumen B dibuktikan melalui prosiding perbicaraan manakala keaslian dan kesahihan

kandungan Ikatan Dokumen C juga **hendaklah dibuktikan melalui prosiding perbicaraan.**

13. Hakim hendaklah memastikan pembuktian Ikatan Dokumen B dan Ikatan Dokumen C dibuktikan melalui tatacara seperti yang berikut;

13.1. Pertama, hakim hendaklah memastikan dokumen persendirian asal dikemukakan kepada mahkamah bagi membuktikan keaslian dokumen tersebut. Pengemukakan dokumen asal bagi rakaman audio dan visual hendaklah merangkumi pita perakam yang digunakan untuk merakam, rakaman yang dibuat, transkrip perbualan berkaitan rakaman dan terjemahan sekiranya rakaman tersebut menggunakan bahasa selain daripada bahasa kebangsaan. Manakala bagi dokumen persendirian elektronik pula, pengemukakan dokumen asal bermaksud suatu sijil perakuan yang mengesahkan dokumen tersebut dicetak menggunakan mesin yang kebiasaannya digunakan bagi tujuan tersebut.

13.2. Pengecualian khusus terhadap pengemukakan dokumen persendirian asal ini ke dalam mahkamah hendaklah tertakluk kepada syarat yang berikut;

- i. dokumen asal tersebut gagal dikemukakan kepada mahkamah setelah suatu notis yang mengarahkan dokumen asal tersebut dikemukakan telah diserahkan kepada orang yang diarahkan untuk mengemukakan;
- ii. keaslian dan kesahihan dokumen asal itu telah dibuktikan dan diakui secara bertulis oleh orang yang terhadapnya ia dibuktikan

atau oleh wakilnya yang diakui secara bertulis di hadapan hakim atau pesuruhjaya sumpah yang beragama Islam;

- iii. apabila pihak yang menawarkan keterangan mengenai kandungannya tidak dapat mengemukakan dokumen asal tersebut dalam masa yang munasabah atau telah musnah atau telah hilang;
- iv. dokumen asal itu tidak boleh dialih dengan mudah; atau
- v. dokumen asal itu terdiri daripada berbagai-bagai dokumen dan sukar diperiksa maka salinan dokumen persendirian tersebut boleh diterima sebagai tulen.

13.3. Kedua, Hakim hendaklah memastikan kesahihan dokumen persendirian itu hendaklah disahkan melalui salah satu daripada kaedah yang berikut;

- i. pembuat dokumen itu sendiri;
- ii. keterangan dua (2) orang saksi yang menyaksikan penyempurnaan dokumen tersebut;
- iii. keterangan dua orang saksi yang boleh mengenal pasti tulisan dan tandatangan orang yang menulis;
- iv. keterangan dua orang pakar; atau
- v. sumpah pembuat dokumen jika diminta mengikut turutan keutamaan yang telah ditetapkan seksyen 56 Akta 561.

13.4. Sekiranya pihak-pihak tidak mempunyai salinan asal dokumen persendirian tersebut seperti dokumen persendirian elektronik atau dokumen berbentuk audio dan visual mahupun **dokumen asalnya telah**

hilang maka hakim hendaklah memastikan keaslian dan kesahihan kandungan dokumen persendirian tersebut melalui kaedah yang berikut;

- i. pengakuan pembuat dokumen itu sendiri; atau
- ii. keterangan dua (2) orang saksi yang melihat dokumen persendirian itu disempurnakan.

14. Sekiranya pihak-pihak berjaya membuktikan keaslian dan kesahihan dokumen persendirian tersebut mengikut kaedah yang ditetapkan dalam perenggan 13 maka Hakim hendaklah menandai Ikatan Dokumen B dan Ikatan Dokumen C sebagai “P” atau “D” dan diterima masuk sebagai keterangan.


15. Sekiranya pihak-pihak gagal membuktikan keaslian dan kesahihan kandungan dokumen persendirian tersebut, maka hakim hendaklah menolak dokumen tersebut.

Bahagian 5. Keputusan

16. Hakim hendaklah memberi nilai probatif kepada dokumen persendirian yang telah diterimamasuk sebagaimana perenggan 14 semasa mempertimbangkan untuk menerima atau menolak tuntutan pihak-pihak dan hendaklah menyatakan alasan terhadap penerimaan atau penolakan tersebut.

Garis Panduan Prosedur Pembuktian Dokumen Persendirian Mahkamah

Syariah di Malaysia



Rajah 3: Model Prosedur Pembuktian Dokumen Persendirian

6.2.5. Pertimbangan Hakim dalam Penerimaan atau Penolakan Sesuatu Dokumen hendaklah dijelaskan dalam Alasan Penghakiman.

Setiap hakim hendaklah mengumumkan penghakimannya terhadap sesuatu kes yang diputuskan di dalam mahkamah terbuka. Pengumuman penghakiman oleh hakim bicara hendaklah termasuk membacakan alasan kepada penghakimannya itu.¹⁰⁴⁰ Hal ini bersesuaian dengan maksud “penghakiman” itu sendiri termasuklah alasan penghakiman.¹⁰⁴¹ Penulisan alasan penghakiman adalah suatu kewajipan bagi seseorang hakim dalam menjalankan tugasnya semasa memutuskan suatu kes yang dibicarakan di hadapannya dan menzahirkan keadilan mahkamah. Alasan penghakiman merupakan hujahan dan huraian hakim syarie serta autoriti seperti statut dan kes yang digunakan oleh mahkamah bagi menyokong keputusan berhubung sesuatu isu yang dipertikaikan dalam prosiding.

Kajian ini mendapati bahawa aspek proses penerimaan atau penolakan sesuatu keterangan kurang diberi penekanan dalam alasan-alasan penghakiman kes-kes hibah. Malahan kebanyakan alasan penghakiman hakim hanya mengulas aspek tersebut secara umum ataupun tidak dijelaskan langsung. Justeru, **pengkaji mencadangkan** agar segala pertimbangan hakim terhadap proses pengemukaan, pembuktian, penolakan dan penerimaan hendaklah direkodkan dan dijelaskan dalam setiap alasan penghakiman hakim.

Selain itu, pengkaji juga mencadangkan agar garis panduan penulisan teks penghakiman¹⁰⁴² dipinda dengan mewajibkan hakim merekodkan dan menjelaskan

¹⁰⁴⁰ Malaysia. 1998. *Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998*. (Akta 585). Seksyen 130.

¹⁰⁴¹ Ibid. Seksyen 3.

¹⁰⁴² Arahan Amalan No. 11 JKSM Tahun 2011.

perkara-perkara tersebut dalam penulisan alasan penghakiman mereka. Hal ini kerana pengkaji berpendapat kerangka alasan penghakiman hendaklah menunjukkan bukti mahkamah memutuskan setiap perkara penting dalam perbicaraan mereka sebagai menzahirkan maksud keadilan di mahkamah syariah. Oleh yang demikian, mewajibkan setiap hakim menulis alasan penghakiman yang lengkap dan jelas membantu, memberi kefahaman kepada semua pihak yang terlibat berkaitan prinsip penerimaan dokumen persendirian berdasarkan kehendak undang-undang keterangan syariah.

6.3. Kesimpulan

Keabsahan dokumen persendirian sebagai kaedah pembuktian di mahkamah syariah tidak boleh dipertikaikan lagi. Penerimaan dokumen persendirian sebagai *qarīnat* tertakluk kepada ketulenan dan kesahihan kandungannya. Dokumentasi hibah merupakan suatu dokumen persendirian yang boleh menjadi bukti kepada kewujudan hibah di mahkamah syariah. Oleh itu, mahkamah syariah hendaklah mempunyai bidang kuasa memutuskan kesahan hibah sama ada secara lisan ataupun secara dokumentasi. Selain itu mahkamah syariah juga hendaklah berbidang kuasa terhadap kesahan dokumentasi hibah yang dibuat oleh sebarang agensi, syarikat mahupun institusi perbankan.

Dalam konteks beban bukti, pihak yang mendakwa kewujudan dokumen hibah tersebut hendaklah memegang beban pembuktian berkaitan kewujudan hibah mahupun dokumen hibah. Mereka perlu membuktikan dakwaan mereka sekurang-kurangnya mencapai tahap minimum iaitu pada tahap *zan*. Mahkamah hendaklah bertanggungjawab untuk memastikan setiap dokumentasi hibah yang dikemukakan adalah relevan, boleh diterima dan boleh memberi nilai pada penghujung perbicaraan kes tersebut.

Secara mudah, pertimbangan penerimaan sesuatu dokumen persendirian boleh difahami dengan menjawab soalan ini iaitu pertama, “Adakah fakta yang ingin dikemukakan itu merupakan suatu fakta yang relevan?” dan kedua, “Adakah terdapat sebarang halangan kepada penerimaan masuk keterangan tersebut dalam undang-undang keterangan?” Jika jawapan kepada soalan pertama adalah positif, dan jawapan kepada soalan kedua adalah tiada maka keterangan tersebut adalah relevan, dan boleh diterima masuk oleh mahkamah. Selepas melepasi peringkat tersebut maka hakim akan menentukan nilai probatif suatu dokumen tersebut pada akhir perbicaraan.

Majlis Agama Islam Negeri dan Badan Perundangan Negeri hendaklah mengambil langkah proaktif dalam membuat penambahbaikan terhadap undang-undang sedia ada seperti meminda undang-undang keterangan dan mewujudkan undang-undang berkaitan dengan hibah dan amanah orang Islam bagi memastikan Islam itu sentiasa dilihat sebagai cara hidup yang sempurna. Manakala Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dan Jabatan Kehakiman Syariah atau mahkamah syariah negeri-negeri pula hendaklah memastikan setiap pegawai, khasnya hakim syarie diberi kefahaman yang mantap dalam bidang undang-undang keterangan khususnya dalam isu pemakaian dokumen persendirian.